



---

( 39 ) KPKT/BPK/19/3/6 Klt. 42

20 Julai 2010

Ketua Pengarang,  
Berita Harian

**Akhbar : Berita Harian**  
**Tarikh : 15 Julai 2010**  
**Muka Surat : 2**  
**Subjek : Masa depan terbantut**

---

Merujuk kepada perkara diatas, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengucapkan terima kasih kepada pihak Berita Harian kerana mengketengahkan permasalahan ini.

Untuk pengetahuan pihak tuan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) khususnya Jabatan Perumahan Negara telah meneliti laporan tersebut dan membuat semakan terhadap isu yang dikemukakan iaitu berkaitan pembeli-pembeli rumah di Taman Andaman yang mendakwa pihak pemaju gagal menyiapkan rumah yang dibeli oleh mereka.

Hasil semakan dan siasatan Jabatan Perumahan Negara mendapati projek perumahan tersebut yang melibatkan pembangunan 44 unit rumah teres 2 tingkat telah dikategorikan sebagai 'projek bermasalah' yang mana projek sepatutnya siap pada tahun 2008.

Satu lawatan tapak bagi projek tersebut telah diadakan dan pihak Jabatan mendapati bahawa tiada sebarang aktiviti pembinaan yang dijalankan di tapak projek dan dimaklumkan aktiviti pembinaan tersebut telah terhenti sejak Ogos 2008.

Berhubung perkara ini, pihak pemaju memberi maklumbalas yang memaklumkan bahawa kelewatan projek pemajuan adalah disebabkan oleh pihak syarikat mengalami masalah kewangan dan mereka telah sedaya supaya mencari jalan penyelesaian tetapi masih gagal dan tidak berupaya lagi untuk meneruskan dan menyiapkan projek perumahan tersebut seperti yang dijanjikan.

Sehubungan itu, isu ini sedang di dalam tindakan Jabatan Perumahan Negara dan juga masih dalam siasatan pihak Kementerian di bawah seksyen 5(1) Akta Kemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 (Akta 118) & peraturan-peraturan kerana disyaki menjalankan perumahan tanpa lesen.

**Dikeluarkan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**